**Liputan Sidang DUN**
MS 2 – 6



**Hijrah kerana peluang kerja**
MS 7



PERCUMA

# buletin Mutiara

BERSATU DAN SETIA

www.buletinmutiara.com



Cekap Akauntabel Telus

1 – 15 JUN, 2016

http:www.facebook.com/buletinmutiara
http:www.facebook.com/cmlimguaneng

# ASINGKAN SISA ANDA

## Pelaksanaan Dasar Pengasingan Sisa Di Punca Mulai 1 Jun 2016

**ASINGKAN SEKURANG-KURANGNYA KEPADA DUA ALIRAN:**

*Jadual Kutipan Sisa Kitar Semula*
** Setiap hari Sabtu bagi Taman Perumahan Bertanah. Premis berstrata ditentukan oleh JMB/pengurusan masing-masing.*



### 1. SISA KITAR SEMULA

**KERTAS**
CONTOH:
surat khabar / kotak / majalah / kadbod / buku

**PLASTIK**
CONTOH:
botol plastik / bekas plastik / beg plastik / bekas makanan plastik / baldi plastik

**KACA**
CONTOH:
botol kicap / botol minuman

**TIN ALUMINIUM /BESI/LOGAM**
CONTOH:
tin aluminium / tin makanan / besi / logam









### 2. SISA BAKI (SAMPAH)

**SISA MAKANAN**
CONTOH:
kulit buah-buahan / sayur-sayuran / kulit telur / nasi






**SISA KOTOR**
CONTOH:
lampin pakai buang / tisu kotor / bahan-bahan kotor / kotak / kertas tercemar



### INFO

- SILA IKAT SURAT KHABAR LAMA dengan kemas.
- BERSIH DAN KERINGKAN bekas minuman, bekas plastik, bekas kaca, atau tin aluminium yang mengandungi sisa.
- Pembungkus makanan atau minuman yang mengandungi LOGO ♻ dapat dikitar semula.
- Anda juga boleh menghantar barangan elektrik yang telah rosak ke pusat kitar semula yang MENGUMPUL SISA ELEKTRONIK.



**DOWNLOAD** *Mobile App*

HOTLINE:
MBPP : 04-263 7637
MPSP : 04-549 7555
Penang Green Council : 04-250 3322

PENANG GREEN COUNCIL
cleaner greener penang

*Untuk maklumat lanjut, sila layari: www.pgc.com.my/dasar-pengasingan-sisa-di-punca*

*Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Persidangan Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Ke-13.*

# Madrasah terbakar terima RM5,000 sumbangan KM

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**GEORGE TOWN –** Madrasah Tahfiz Al-Quran Raudhatul Ulum dekat Kampung Belat Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Teluk Air Tawar yang terlibat dalam satu kejadian kebakaran baru-baru ini menerima sumbangan bantuan daripada Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

Guan Eng yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih menyerahkan RM5,000 sumbangan bantuan itu kepada pemilik sekolah agama rakyat tersebut, Haji Abdollah Ahmad, 71.

"Sungguhpun madrasah hampir hangus, termasuk bahagian rumah Haji Abdollah sendiri, yang penting semua pelajar selamat," katanya pada majlis penyerahan sumbangan berkaitan di Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang di sini.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon yang juga ADUN Pantai Jerejak, Dato' Abdul Malik Abul Kassim (ADUN Batu Maung merangkap Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna) dan Dr. Afif Bahardin (ADUN Seberang Jaya merangkap Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan), Dato' Maktar Shapee (ADUN Sungai Bakap merangkap Timbalan Yang Di-Pertua DUN Pulau Pinang) serta Soon Lip Chee (ADUN Jawi) turut sertai sidang media tersebut.

Guan Eng yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan & Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam memberitahu, pihaknya dimaklumkan bahawa 12 pelajar yang terlibat dalam kejadian kebakaran itu telahpun diurus pindah ke madrasah lain.

Manakala, Abdollah yang ditemui kemudian melahirkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri atas sumbangan tersebut.

"Saya terdengar bunyi pelik di tingkat atas dan ingatkan ada pelajar bergaduh. Saya sedar berlaku kebakaran apabila diberitahu oleh anak lelaki saya ada api di tingkat atas.

"Kami semua tak sempat menyelamatkan apa-apa, semuanya tinggal sehelai sepinggang.

"Tapi, terima kasih atas sumbangan yang disampaikan (oleh) pemimpin Kerajaan Negeri dan Y.A.B. Ketua Menteri sendiri," katanya ketika ditemui Buletin Mutiara.

Hampir 80 peratus bangunan dua tingkat madrasah itu musnah dalam kejadian kebakaran pada 11 Mei lalu, kira-kira jam 12.40 tengah malam.



**KETUA Menteri (tengah) diiringi pemimpin Kerajaan Negeri lain menyerahkan sumbangan RM5,000 kepada pemilik Madrasah Tahfiz Al Quran Raudhatul Ulum, Haji Abdollah Ahmad (berbaju biru) di DUN Pulau Pinang.**

## Kakitangan Kerajaan dapat 3/4 'Bonus Raya', Guru-guru Agama tidak dilupakan

**GEORGE TOWN –** Seramai 4,178 anggota perkhidmatan awam Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan diberi 'Bonus Raya' sebanyak tiga perempat (3/4) bulan gaji, dengan minimum RM700 seorang sebelum sambutan Aidilfitri nanti.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng membuat pengumuman itu pada Sesi Penggulungan di Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang di sini.

"(Ini) mengambil kira kos inflasi dan peningkatan kos hidup yang begitu ketara kerana GST (Cukai Barangan dan Perkhidmatan)," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih.

Selain itu, Guan Eng turut mengumumkan pemberian Bantuan Khas Kewangan kepada 1,486 Penyelia dan Guru KAFA (Kelas Agama Dan Fardu Ain), 192 guru Sekolah Rendah Agama Rakyat masing-masing turut menerima 'bonus raya' sebanyak RM300.

"522 guru dan staf Sekolah Persendirian Cina masing-masing turut menerima 'Bonus Raya' atau Bantuan Kewangan Khas berjumlah RM300 seorang.

"215 guru tahfiz Al-Quran, Tuan-tuan Guru Pondok dan guru Tadika Islam (TADIS) di negeri ini masing-masing turut menerima RM200.

"Pemberian Bantuan Khas Kewangan ini turut dipanjangkan kepada kedua-dua pihak berkuasa tempatan (PBT) dan Badan-badan Berkanun Kerajaan Negeri," jelasnya.

Keseluruhan belanja pemberian dianggarkan berjumlah RM7.95 juta.

## 'Saya bukan robot, boleh ingat semua', Jahara respons asakan di DUN

**GEORGE TOWN –** Ketua Pembangkang, Datuk Jahara Hamid pada persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang baru-baru ini seakan menerima asakan kuat daripada Exco Perancangan Bandar & Desa Dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo di sini.

Jahara, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Teluk Air Tawar berkali-kali didakwa 'tidak ingat' mengenai beberapa tuduhan yang dilemparkan sebelum ini, kononnya Kerajaan Pulau Pinang hari ini tiada hasrat untuk membina Projek Perumahan Rakyat (PPR) di kira-kira 1 ekar tanah berhampiran Taman Manggis.

Dedah Jagdeep, Kerajaan Negeri terdahulu di bawah Barisan Nasional (BN) sebenarnya tidak pernah berhasrat untuk membina fasa kedua PPR di atas tanah lapang tersebut.

Itu, jelas beliau, berdasarkan potongan minit Mesyuarat Exco bertarikh 28 Mac 2007 dan disahkan minit tersebut pada 4 April 2007, berkenaan pembangunan projek perumahan di atas tanah seperti dinyatakan dalam Kertas Bil. 120/2007.

"Keputusan Majlis (Mesyuarat Exco) ketika itu mengambil maklum kertas tersebut dan bersetuju dengan perakuan-perakuan seperti di perenggan 9 dan menolak permohonan tersebut (untuk membangunkan projek perumahan PPR di atas baki tanah berkenaan)," ujarnya yang juga ADUN Datuk Keramat ketika membaca dokumen rasmi kerajaan berkaitan, pada sesi soal jawab lisan di DUN di sini.

Bagaimanapun, tambah Jagdeep, hasil semakan pihaknya mendapati bahawa cadangan bagi tahun 2003 itu telahpun digantikan dengan cadangan lain pada tahun 2005 supaya tapak tersebut dibangunkan dengan projek campuran iaitu pembinaan rumah kedai dan kuarters kerajaan.

"Cabutan butir-butir Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) Pulau Pinang yang ke-35 bertarikh 28 September 2005, Perenggan 16.3 jelas menunjukkan cadangan memorandum 2003 telah diganti dengan satu cadangan baru pada tahun 2005 bagi membangunkan projek bercampur iaitu rumah kedai dan kuarters kerajaan di atas baki tanah tersebut," katanya.

Selain minit mesyuarat Exco, Jagdeep memberitahu, terdapat satu surat rasmi daripada Timbalan Pengarah Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Pulau Pinang yang ditujukan kepada Lim Hock Seng (Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan) bertarikh 10 Mac 2009 bagi menjawab pertanyaan Exco berkenaan berhubung keseluruhan tapak di Taman Manggis (PA 4419 Jalan Burma).

Mengulas lanjut, Jagdeep memberitahu, antara isi kandungan surat tersebut menyatakan bahawa melalui semakan yang dibuat oleh PTG, lot-lot tersebut (Lot 314 dan 305) merupakan tanah kerajaan yang merupakan sebahagian dari PPR Lorong Selamat/Jalan Zainal Abidin.

"Malah, tapak tersebut juga pernah dipohon oleh Pesuruhjaya Tanah Persekutuan bagi tujuan PPR Lorong Selamat/Jalan Zainal Abidin, tetapi telah ditolak oleh Pihak Berkuasa Negeri pada 28 Mac 2007 dan disahkan pada 4 April 2007.

"Keputusan dan pengesahan butir-butir serta dokumen ini adalah seperti yang dibacakan di atas. Dan ini secara jelas menunjukkan ada permohonan untuk membina unit-unit PPR daripada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan tetapi ditolak oleh Kerajaan Negeri terdahulu.

"Jadi, ini dengan jelas menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri terdahulu sememangnya tiada hasrat untuk membangunkan PPR di atas baki tanah di Taman Manggis tersebut," tegasnya.

Jagdeep terus menggasak Jahara untuk mendedahkan di DUN mengenai perkara yang sebenar berhubung isu berbangkit itu.

"Pertama, adakah YB (Jahara) adalah Exco ketika itu? Adakah YB ingat bahawa YB hadir pada mesyuarat Exco pada 28 September 2005?

"Senang untuk membuat tipu muslihat, tetapi kalau tak ingat, kita mesti tak ingat, semuanya.

"Boleh rujuk memo (minit mesyuarat Kerajaan Negeri) tahun 2003 tetapi tidak boleh rujuk (minit mesyuarat Kerajaan Negeri) tahun 2005...ada ingatkah semuanya sekarang?

"Mengapa tidak boleh mengingat fakta ini semua sedangkan boleh membuat sesuatu yang tidak baik kepada rakyat Pulau Pinang," asak Jagdeep ke atas Jahara.

Jahara diasak memberi penjelasan sebab merujuk suatu memo pada tahun 2003 sahaja untuk menunjukkan Kerajaan Negeri terdahulu berhasrat untuk membina PPR di Taman Manggis, dalam kenyataan media kepada TV3 24 Mac lalu.

ADUN Seri Delima, R.S.N Rayer ketika celahan turut mendedahkan rakaman video tuduhan Jahara itu, yang pernah disiarkan dalam TV3 pada 24 dan 25 Mac lalu.

Selepas diasak, Jahara berulang kali berdalih, "saya pun manusia juga dan bukan robot.

"Saya bukan robot, boleh ingat semua."

*Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Persidangan Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Ke-13.*

# KN serah tanah bernilai RM15 juta bina sekolah kanak-kanak terencat akal dipuji

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**GEORGE TOWN –** Presiden Persatuan Kebajikan Kanak-Kanak Terencat Akal Pulau Pinang secara terbuka memuji pentadbiran Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng kerana menyerahkan sebidang tanah untuk cadangan pemajuan bangunan sekolah baharu khas untuk kanak-kanak terencat akal di sini baru-baru ini.

Teks Presiden persatuan berkaitan, Datuk Teh Cheng Lim yang dibaca anaknya, Teh Beng Yeam merangkap Naib Presiden persatuan berkaitan menyatakan bahawa pemberian surat milik 1.3 ekar tanah kepada Persatuan Kebajikan Kanak-Kanak Terencat Akal Pulau Pinang sekaligus menyerlahkan komitmen Kerajaan Negeri hari ini dalam membaiki kebajikan rakyat, khususnya membabitkan golongan terpilih.

"Persatuan kami amat menghargai dan mengucapkan terima kasih dengan memberi sanjungan kerana Tuan Lim Guan Eng merupakan ahli politik yang memahami dan menghayati maksud sebenar dalam kebajikan masyarakat.

"Disebabkan usaha sebegitu, Tuan Lim Guan Eng dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang seharusnya diberikan penghormatan secara tinggi," ujar Beng Yeam yang juga pemimpin veteran MCA di Dewan Undangan Negeri (DUN) di sini.

Mewakili persatuan tersebut, Beng Yeam turut merakamkan penghargaan kepada Pengerusi Kumpulan Ideal Property, Datuk Alex Ooi kerana pihak pemaju itu sudi membantu pembiayaan kos projek bangunan cawangan sekolah khas untuk kanak-kanak terencat akal yang baharu kelak.

Selain Guan Eng, hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon, Chow Kon Yeow (Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir), Wong Hon Wai (Setiausaha politik kepada Ketua Menteri) dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng.

Difahamkan, bangunan asal Sekolah Kanak-Kanak Terencat Akal Pulau Pinang kini masih beroperasi di Jalan Datuk Keramat dekat Parlimen Jelutong.



KETUA Menteri saling bersalaman dengan Teh Cheng Lim sambil disaksikan Teh Beng Yeam (empat dari kanan) serta para pemimpin Kerajaan Negeri lain selepas sidang media di DUN Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Beng Yeam merupakan calon Barisan Nasional (BN) dalam Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU13) pada 5 Mei 2013 bagi kawasan Parlimen Bukit Gelugor dan tewas pada penyandang, mendiang Karpal Singh dengan 41,778 undi majoriti.

Kini, anak mendiang Karpal, Ramkarpal Singh menyandang kerusi Ahli Parlimen Bukit Gelugor.




LAKARAN artis bangunan projek bangunan cawangan sekolah khas untuk kanak-kanak terencat akal yang baharu.

## P. Pinang gesa Pusat segera nasihat henti pembalakan di Ulu Muda

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) menggesa Kerajaan Persekutuan menasihatkan Kerajaan Negeri Kedah supaya menghentikan serta-merta aktiviti pembalakan di Hutan Simpan Ulu Muda, dekat sempadan Utara Kedah - Thailand.

Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP, Dato' Ir. Jaseni Maidinsa berkata, pembalakan di kawasan tadahan itu akan menjejaskan kualiti dan kuantiti air di Kedah serta ke Pulau Pinang.

"RM30.1 juta yang Kedah terima hasil premium pembalakan hutan bagi tahun 2014 hanya 0.02 peratus daripada RM135.3 juta bilion Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang disumbangkan oleh Kedah dan Pulau Pinang.

"(Pembalakan) ini akan mengancam hidupan serta lebih dua juta penduduk di Utara Kedah dan Pulau Pinang," katanya kepada pemberita di Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Menurut Jaseni, paras air di kedua-dua empangan, Empangan Beris dan Empangan Muda ketika ini kira-kira 30 peratus, manakala di Empangan Mengkuang, lebih 50 peratus.

Sungguhpun musim *Super El Nino* diramal berakhir pada bulan Jun ini, beliau memberitahu, paras air di semua empangan dekat negeri Kedah dan Pulau Pinang mestilah ditambahkan lebih 60 peratus untuk menghadapi krisis kemarau akan datang yang dijangka pada awal tahun depan.




IR. Jaseni Maidinsa pada sidang media baru-baru ini menunjukkan keratan akhbar laporan aktiviti pembalakan di Ulu Muda.

"Kira-kira 80 peratus air mentah ke Pulau Pinang bergantung pada sumber mentah dari Sungai Muda dalam sempadan negeri ini, dan sudah tentu bergantung pada kawasan tadahan di Ulu Muda," ujar Jaseni.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng pada sidang media berasingan menegaskan bahawa kekurangan air mentah pada masa hadapan akan menjejaskan beribu-ribu aktiviti perniagaan di Kedah hatta Pulau Pinang.

"Pada tahun 2014, Pulau Pinang menyumbang 6.5 peratus, manakala Kedah menyumbang 3.4 peratus kepada KDNK yang berjumlah AS$338 bilion atau RM1,365.4 bilion.

"Ini bermakna, gabungan sumbangan KDNK kedua-dua negeri adalah 9.9 peratus, kira-kira AS$33.5 bilion atau RM135.3 bilion bagi tahun 2014.

"Semua perniagaan bergantung kepada bekalan air yang berterusan baik dan jika terdapat krisis bekalan air, kerugian akan dikira dalam berbilion-bilion ringgit.

"Selain itu, Pulau Pinang, Kedah dan reputasi Malaysia sebagai hab antarabangsa bagi pembuatan, perkhidmatan, pelancongan dan harta pembangunan akan rosak teruk untuk tahun akan datang," jelasnya.

Sehingga kini, 80 peratus air mentah Pulau Pinang yang berjumlah lebih 1 bilion liter tiap-tiap termasuk diekstrak dari Sungai Muda dalam sempadan negeri ini.

Itu, tidak termasuk ekstrak air mentah dari Sungai Muda ke 14 loji rawatan air dikendali agensi berwajib di bawah Kerajaan Negeri Kedah.

Keseluruhan abstrak air mentah dari Sungai Muda untuk keperluan penduduk negeri Kedah dan Pulau Pinang berjumlah kira-kira 1.56 bilion tiap-tiap hari.

"Tanpa air mentah ini, akan menjadi besar-besaran krisis bekalan air di Pulau Pinang dan selatan Kedah," tegas Guan Eng yang juga Ahli Parlimen Bagan.

## Demi dedah skandal PERDA, KM pelawa ADUN Sg. Acheh lawat tanah kontroversi sekali lagi

**GEORGE TOWN –** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Acheh, Datuk Mahmud Zakaria dipelawa secara terbuka untuk melawat sekali lagi sebidang tanah yang dijual oleh agensi persekutuan, Lembaga Pembangunan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) dekat Tok Keramat, Nibong Tebal.

Semasa membuat pelawaan itu, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng mengakui tujuannya adalah demi membongkar satu skandal penjualan tanah kontroversi di sana.

Guan Eng turut menyanggah soalan ADUN Pembangkang berkenaan yang menggambarkan lawatan masuk ke tanah persendirian tersebut sebelum ini dilakukan tanpa kebenaran.

"Ketua Menteri tidak memasuki tanah tersebut tetapi berada di pinggir tanah tersebut.

"Persoalan ini tidak timbul kerana tujuan lawatan ialah membongkar isu skandal tanah yang melibatkan kepentingan awam.

"Macam mana tanah PERDA yang diambil untuk tujuan perumahan awam, boleh dijual murah sehingga kerugian RM15.2 juta.

"Kenapa (Mahmud) tak tanya soalan kepentingan awam rakyat... kalau nak lawat, boleh pergi bersama sekali lagi," responsnya di Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang di sini.

Guan Eng yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan & Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam mendedahkan tanah seluas 8.6 ekar tersebut menurut Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) sepatutnya bernilai RM16.6 juta.

Pada tahun 2015, PERDA yang dipengerusikan oleh Ahli Parlimen Tasek Gelugor, Datuk Shabudin Yahaya didedah menjual tanah tersebut secara tender tertutup kepada satu pihak swasta, dengan harga serendah RM1.4 juta.

Guan Eng memberitahu, pembeli baharu tanah tersebut pada 28 Mac lalu memohon kepada Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) untuk membina 27 buah rumah kedai sahaja.

"Tidak ada satu pun rumah awam, baik rumah kos rendah atau sederhana rendah dibina (oleh pembeli baru) di atas tanah tersebut.

"Kerugian RM15.2 juta ini bukan sahaja membelakangkan tujuan PERDA ditubuhkan, tetapi pihak pengerusi telah mengkhianati tugasnya sebagai pemegang amanah PERDA menjalankan projek perumahan ke atas tanah ini," ujarnya yang juga ADUN Air Putih.

*Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Persidangan Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Ke-13.*

# Fi 5. 54% kepada Zenith-BUCG termurah, respons Hock Seng

**GEORGE TOWN –** Pembayaran RM305 juta atau 5.54 peratus daripada keseluruhan RM5.5 bilion kos pembinaan Projek Tiga Jalan-jalan Utama dan Terowong Di Bawah Dasar Laut yang dibuat oleh Kerajaan Negeri kepada Consortium Zenith BUCG Sdn. Bhd. (Zenith-BUCG) sebenarnya adalah tawaran terendah, berbanding yang dikemukakan lapan pihak lain.

Mengulas lanjut, Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng berkata, pembayaran itu adalah berpatutan sekiranya dibandingkan dengan fi-fi yang ditetapkan oleh Lembaga Jurutera Malaysia, Pertubuhan Arkitek Malaysia, Lembaga Juruukur Malaysia, Perbendaharaan Malaysia serta pertubuhan-pertubuhan profesional lain dalam negeri dan peringkat antarabangsa, sebelum ini.

Jelasnya, fi-fi yang ditetapkan badan-badan tersebut meliputi pelbagai skop seperti pengurusan, kejuruteraan, lalulintas, alam sekitar, sosial, hidrologi, geoteknikal serta kepakaran khusus dalam bidang terowong, kerja kejuruteraan di bawah dasar laut dan pantai.

"Pembayaran dalam bentuk pemberian tanah akan dibuat secara berperingkat berdasarkan kos yang dikemukakan semasa tawaran Permohonan Kertas Cadangan atau RFP oleh Zenith-BUCG.

"Pihak (Zenith-BUCG) telah mengemukakan tawaran terendah daripada lapan tawaran yang diterima untuk pelaksanaan keseluruhan projek termasuk kajian-kajian.

"Sekiranya bayaran yang dibuat berasaskan fi profesional atau *man hour* atau *reimbursable cost* atau perbelanjaan, maka kos yang lebih tinggi perlu ditanggung oleh Kerajaan Negeri.

"Dengan menetapkan kos kajian, pihak Zenith-BUCG tidak boleh menuntut sebarang kos tambahan dan tidak akan berlaku ketidaktentuan kos bayaran atas kajian," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Jermal pada persidangan Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang Yang Ke-13 di sini.

Penjelasan Hock Seng itu sebagai menjawab pertanyaan ADUN PKR dari kawasan Penanti, Dr. Norlela Ariffin serta pertikaian daripada beberapa ADUN Pembangkang Pulau Pinang yang lain.

Selain kos kajian-kajian, Hock Seng memberitahu, pembayaran fi menjadikan kos imbuhan balik *(reimbursable)* juga akan dibiayai sepenuhnya oleh Zenith-BUCG.

Difahamkan, kos keseluruhan projek yang akan dimajukan Zenith-BUCG adalah RM6.341 bilion.

Mengikut pecahan, Kajian Kebolehlaksanaan, Rekabentuk Terperinci dan Kajian Impak Alam Sekitar menelan kos RM305 juta, diikuti RM504 juta (pembiayaan kos pengambilan balik tanah) serta RM5.5 bilion (kos pembinaan).

5.54 peratus daripada RM5.5 bilion kos pembinaan yang dibayar kepada Zenith-BUCG berjumlah RM305 juta.

Dalam perkembangan lain, Hock Seng turut membuat contoh perbandingan fi yang dibayar oleh Kerajaan Negeri kepada Zenith-BUCG dengan pembayaran Kerajaan Persekutuan dalam projek-projek lain.

Dalam projek MRT Line-1 di bawah Kerajaan Pusat, Hock Seng mendedahkan, Syarikat MMC-Gamuda selaku rakan penyampai projek (PDP) menerima bayaran sebanyak 6 peratus daripada keseluruhan kos pembinaan.

Pun begitu, tambahnya, fi 6 peratus tersebut tidak termasuk kos-kos profesional yang terlibat dalam projek tersebut serta kos-kos imbuhan balik yang dituntut oleh perunding-perunding profesional.



(Dari kiri) DR. T. Jayabalan, Dr. Norlela Ariffin, Lee Khai Loon dan Cheah Kah Peng ketika mengadakan perbincangan di perkarangan DUN.

Syarikat Lebuhraya Borneo Utara Sdn. Bhd. yang memajukan Projek Pan Borneo Highways pula menerima fi adalah antara 5 hingga 6 peratus daripada jumlah keseluruhan kos projek.

"Fi ini tidak termasuk kos-kos bayaran balik yang ditanggung oleh Kerajaan Persekutuan apabila dituntut oleh syarikat kelak.

"Begitu juga dengan Syarikat MRCM-George Kent bagi Projek LRT Line 3, dengan kadar fi sebanyak 6 peratus daripada kos keseluruhan (projek di bawah Kerajaan Persekutuan itu)," jelas Hock Seng.

Penjelasan Hock Seng itu sekaligus menjawab pertikaian beberapa ADUN Pakatan Harapan daripada PKR sendiri, iaitu Ong Chin Wen (Bukit Tengah), Cheah Kah Peng (Kebun Bunga), Lee Khai Loon (Machang Bubuk) dan Dr. T. Jayabalan (Batu Uban) serta satu-satunya ADUN DAP bagi Kawasan Tanjung Bungah, Teh Yee Cheu.

## P. Pinang pernah mohon Pusat biaya kos pemajuan PIP, tapi tiada maklum balas - Exco

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri pernah memohon Kerajaan Persekutuan untuk mempertimbang pelaksanaan Pelan Induk Pengangkutan (PIP) di Pulau Pinang, namun langsung tiada maklum balas daripada pihak berkaitan.

Justeru, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, Kerajaan Negeri hari ini mengambil keputusan untuk meneruskan sendiri pelaksanaan pelan tersebut demi menangani cabaran trafik sesak kini dan pada masa hadapan.

"Ketua Menteri (Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng) telah mengemukakan surat bertarikh 26 November 2013 kepada YB Pemangku Menteri Pengangkutan (Datuk Seri Hishamuddin Tun Hussein) bagi tujuan ini, namun tiada maklum balas diterima sehingga sekarang.

"Sekali lagi, Y.A.B Ketua Menteri telah mengemukakan permohonan kepada Perdana Menteri melalui surat bertarikh 28 Mei 2014, malangnya pihak Kerajaan Negeri tidak menerima sebarang maklum balas," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota.

Kon Yeow memberi penjelasan tersebut pada Sesi Penggulungan di Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang di sini.

Menurut Kon Yeow, sebanyak 48 syarikat membeli dokumen tender pada 8 Ogos 2014, dengan tarikh tutup penyerahan Permohonan Kertas Cadangan (RFP) kepada Kerajaan Negeri dilanjutkan sehingga 16 Februari tahun lalu.



CHOW Kon Yeow (berkemeja kuning) bersama-sama barisan Exco dan ADUN-ADUN ketika di Dewan Makan DUN.

"Hanya enam pihak mengemukakan RFP kepada Kerajaan Negeri, untuk dinilai oleh Jawatankuasa Penilaian Kewangan Dan Teknikal yang dipengerusikan oleh Pegawai Kewangan Negeri.

"Melalui tender terbuka, SRS Consortium dipilih pada 9 Julai 2014, lalu diberi surat pelantikan sebagai rakan penyampaian projek (PDP) pada 14 Ogos 2014.

"Kerajaan Negeri menjelaskan kepada PDP yang dilantik bahawa satu perjanjian hanya akan ditandatangani setelah PDP berjaya memperoleh kelulusan-kelulusan berwajib daripada agensi Persekutuan yang berkenaan.

"Contohnya, kelulusan daripada SPAD (Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat) bagi skim rel, kelulusan DEIA (Laporan Penilaian Terperinci Terhadap Alam Sekitar) daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan sebagainya.

"Semua risiko akan ditanggung PDP sekiranya permohonan tersebut tidak berjaya," jelasnya.

## Lebar Jln. Masjid Negeri bukan 'sementara' – Exco

**GEORGE TOWN –** Pelebaran bahagian tertentu pada Jalan Masjid Negeri bukanlah bersifat 'sementara' serta pembaziran dana Kerajaan Negeri, sebagaimana didakwa Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Uban, Dr. T. Jayabalan.

Mengulas lanjut, Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Utiliti, Lim Hock Seng berkata, projek penarafan tersebut bersifat kekal demi menangani kesesakan trafik yang teruk kebelakangan ini hingga masa hadapan.

"Ia tidak mungkin bertaraf 'jalan sementara' sahaja...pelebaran Jalan Masjid Negeri ini menangani untuk menangani (kesesakan) trafik," katanya yang juga ADUN Bagan Jermal pada Sesi Soal Jawab Lisan di Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang di sini.

Mengulas lanjut, Hock Seng memberitahu, kos penarafan sebahagian projek tersebut adalah RM1.9 juta.

Sebelum itu, Jayabalan pada sesi celahan antara lain menyebut bahawa Kerajaan Negeri hari ini seakan melakukan pembaziran jika dilihat pada projek penarafan jalan tersebut.

"Bolehkah ia disifatkan sebagai 'jalan sementara' sahaja.

"Mengapa pula berbazir sampai RM1.8 juta," soal Jayabalan, ADUN Pakatan Harapan dari PKR.

Difahamkan, pelebaran Jalan Masjid Negeri di antara Bulatan Udini dan Jalan Delima serta projek-projek penarafan berwajib yang lain meliputi persimpangan Jalan Air Itam, Jalan Scotland serta persimpangan Lorong Batu Lanchang, Jalan Masjid Negeri dan Jalan Hamilton menelan belanja keseluruhan sebanyak RM24.45 juta.

Sehingga tarikh 29 Februari lalu, mengikut pecahan, projek penarafan yang telah siap direkodkan menelan belanja RM16.6 juta, manakala projek pelebaran jalan yang masih dijalankan menelan kos 7.85 juta.

*Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Persidangan Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Ke-13.*

# KM anggap pembangkang terima keputusan DUN setujui usul tambak laut

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB & AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN** – Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menganggap usul tergempar baharu mengenai isu penambakan laut yang diterima majoriti Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), turut diterima oleh wakil rakyat daripada blok pembangkang di sini.

Beliau berkata demikian kepada pemberita, ketika ditanya mengenai kritikan lantang daripada lima ADUN pada sesi perbahasan usul tersebut.

"Bolehkah kita teruskan dengan usul yang dipersetujui, dan akan melihat perkara yang dibangkitkan ini kemudian," responsnya yang juga ADUN Air Putih selepas selesai persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN).

Usul yang dipersetujui majoriti ADUN tersebut berbunyi, "Kerajaan Negeri Pulau Pinang diwajibkan tidak memulakan projek penambakan laut sehingga mendapat kelulusan Laporan Penilaian Terperinci Terhadap Alam Sekitar (DEIA) daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS) Persekutuan yang perlu dipantau dan diperiksa oleh Majlis Pengangkutan Negeri (PTC) dan termasuk mencari alternatif lain dari segi pembiayaan projek-projek PIP yang mempunyai model yang '*feasible and sustainable*' termasuk pembiayaan oleh Kerajaan Persekutuan".



**KETUA Menteri berjabat tangan dengan Sr. Muhamad Farid Saad sambil diperhatikan barisan ADUN lain selepas selesai Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Persidangan DUN Pulau Pinang Ke-13 di sini baru-baru ini.**

## Usul baharu isu tambak laut diterima majoriti ADUN

**GEORGE TOWN** – Usul tergempar berhubung isu penambakan laut menjadi tiga pulau jadian di selatan bahagian pulau negeri ini diterima majoriti Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) di sini.

Usul itu berbunyi, "Kerajaan Negeri Pulau Pinang diwajibkan tidak memulakan projek penambakan laut sehingga mendapat kelulusan Laporan Penilaian Terperinci Terhadap Alam Sekitar (DEIA) daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS) Persekutuan yang perlu dipantau dan diperiksa oleh Majlis Pengangkutan Negeri (PTC) dan termasuk mencari alternatif lain dari segi pembiayaan projek-projek PIP yang mempunyai model yang '*feasible and sustainable*' termasuk pembiayaan oleh Kerajaan Persekutuan".

Speaker Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, Dato' Law Choo Kiang membuat ketetapan itu, susulan proses mendengar suara bersetuju di Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang di sini pada 20 Mei lalu.

Usul tergempar baharu itu dibentangkan oleh Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berdasarkan Peraturan 34 Usul-Usul Tanpa Pemberitahu, selepas berunding dengan beberapa ADUN daripada blok Pakatan Harapan (PH) dan Barisan Nasional (BN).

Sebelum itu, ADUN Pulau Betong, Sr. Muhamad Farid Saad menarik semula usul asal yang menggesa Kerajaan Negeri membatalkan semua projek tambakan laut di negeri ini, demi membiayai kos pemajuan Pelan Induk Pengangkutan (PIP).

Begitu juga Kon Yeow yang juga ADUN Padang Kota, menarik satu usul tergempar baharu yang lain, berkaitan isu PIP ini.



**LAW Choo Kiang (kanan sekali) dan Timbalan Speaker DUN Pulau Pinang, Dato' Maktar Shapee (kiri sekali) beramah-mesra dengan Speaker DUN Selangor, Hannah Yeoh yang mengadakan lawatan khas ke DUN baru-baru ini.**

Sesi perbahasan usul tergempar baharu dibahaskan hampir satu jam.

Muhamad Farid semasa membahaskan usul itu berkata, ADUN Barisan Nasional serta wakil-wakil pertubuhan bukan kerajaan (NGO) untuk turut menganggotai PTC.

"Saya mahu PTC ini bersikap terbuka," jelas Muhamad Farid.

ADUN Machang Bubuk, Lee Khai Loon pula berharap laporan Jawatankuasa Kira-kira Awam (PAC) serta model bisnes PIP ini turut perlu disiapkan secara teliti oleh PTC.

Tiga ADUN Pakatan Harapan lain, Dr. Norlela Ariffin (Penanti), Teh Yee Cheu (Tanjung Bunga), Shah Headan Ayoob Hussain Shah (Teluk Bahang) masing-masing turut mengambil bahagian pada sesi perbahasan.

Kon Yeow yang juga Pengerusi PTC sekali lagi menyatakan bahawa Kerajaan Negeri dengan rasa rendah diri beberapa kali memohon kepada Kerajaan Persekutuan supaya membiayai PIP, tiada maklum balas baik.

Justeru, tambahnya, syor tambakan laut dipilih sebagai model bisnes Kerajaan Negeri untuk membiayai kos pembinaan dan pengurusan PIP.

## Usul beku urusan tambah babit 1MDB diterima majoriti ADUN P. Pinang

**GEORGE TOWN** – Lintang-pukang semua Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Umno meninggalkan persidangan di Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang ketika Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng mengemukakan satu lagi usul berhubung kes tanah membabitkan 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Di bawah Peraturan 34 (viii) Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat, usul itu berbunyi, "Skandal 1MDB sebanyak RM50 bilion yang mencipta sejarah buat kali pertama mengakibatkan sebuah syarikat milikan Kerajaan Persekutuan Malaysia dan juga dijamin oleh Kerajaan Persekutuan Malaysia gagal (*default*), atau tidak dapat melangsaikan bayaran faedah yang diwajibkan dibayar sebanyak dua kali, setiap kali melibatkan jumlah faedah sekurang-kurangnya USD50 juta.

"Justeru itu, demi kepentingan awam adalah diputuskan bahawa semua urusan berkaitan dengan 1MDB di Pulau Pinang harus dibekukan sehingga satu penjelasan penuh diberikan olehnya tentang skandal ini dan impaknya kepada rakyat serta juga tentang urusan pembelian dan penjualan tanah, khususnya 234 ekar tanah di Air Itam yang dibeli dengan harga RM1.38 bilion sebelum Pilihan Raya Umum (PRU) 2013 serta membabitkan hampir 3,000 keluarga dan pembangunan perumahan berskala besar."

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima, R.S.N. Rayer dan ADUN Air Itam, Wong Hon Wai bangun membahaskan usul itu.

Susulan itu, Yang di-Pertua DUN Pulau Pinang, Dato' Law Choo Kiang menetapkan usul tersebut dipersetujui berdasarkan pungutan suara anggota mesyuarat di sini.

*Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Persidangan Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Ke-13.*

# KM nafi peruntukan SAR tidak seimbang

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri sehingga 30 April 2016 sahaja menyalurkan RM390,000 kepada Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) sebagai pemberian saguhati atau *ex-gratia* kepada 1,500 guru KAFA berdaftar.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, pemberian sumbangan tambahan *ex-gratia* sebanyak RM50 tiap-tiap bulan kepada guru agama yang terbabit Kelas Agama dan Fardhu 'Ain (KAFA), sejak tahun 2008 lagi.

"Adalah tidak benar sama sekali dakwaan bahawa peruntukan Kerajaan Negeri kepada sekolah berteraskan agama Islam adalah tidak seimbang.

"Sebenarnya jumlah yang diberikan sejak 2008 untuk semua sekolah dan pendidikan agama Islam adalah sebanyak RM41.6 juta dan bukanlah RM1.75 juta setahun seperti yang didakwa," katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih.

Beliau yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan & Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam memberikan penjelasan tersebut kepada beberapa ADUN Pembangkang pada Sesi Penggulungan di Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang di sini.

Difahamkan, Kerajaan Negeri saban tahun sejak 2010 memperuntukkan pelbagai pemberian bantuan khas kewangan dan 'bonus raya' kepada guru-guru KAFA.

"Mulai tahun 2012, (Kerajaan Negeri) telah menyediakan bajet untuk tujuan pemberian saguhati Hari Raya Aidilfitri kepada guru-guru Sekolah (Agama Rakyat, SAR), tahfiz Al-Quran, guru-guru pondok dan TADIS (Tadika Islam).

**PERUNTUKAN YANG DILULUSKAN KERAJAAN NEGERI BAGI PEMBIAYAAN PROGRAM KEAGAMAAN ISLAM NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2008 SEHINGGA APRIL 2016**

| Tahun | Program Bantuan Pendidikan (RM Juta) | Sumbangan ex Gratia Guru-Guru KAFA (RM Juta) | Pembangunan (JHEA, J.Mufti & J.K. Syariah) (RM Juta) | Mengurus (JHEA, J.Mufti & J.K. Syariah) (RM Juta) | *Lain-Lain (JHEA) (RM Juta) | Pengambilan Balik Tanah (RM Juta) | Jumlah (RM Juta) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 2008 | 0.09 | 0.66 | 8.10 | 13.30 | 1.37 | 2.06 | 25.58 |
| 2009 | 1.50 | 0.88 | 12.09 | 16.16 | 1.59 | 5.03 | 37.25 |
| 2010 | 1.75 | 0.91 | 13.30 | 19.56 | 2.19 | 1.89 | 39.60 |
| 2011 | 1.75 | 0.90 | 18.95 | 19.93 | 3.74 | 20.00 | 65.27 |
| 2012 | 1.75 | 0.91 | 13.59 | 21.40 | 3.93 | 24.80 | 66.38 |
| 2013 | 1.75 | 0.89 | 20.17 | 23.62 | 6.20 | 2.50 | 55.13 |
| 2014 | 1.75 | 0.89 | 17.46 | 25.14 | 5.82 | 1.15 | 52.21 |
| 2015 | 1.75 | 0.90 | 16.83 | 28.14 | 5.93 | 5.26 | 58.81 |
| 2016 (30 April) | 1.75 | 0.93 | 17.97 | 29.98 | 5.90 | - | 56.53 |

* Lain-lain adalah termasuk :

Bayaran saguhati pegawai masjid, Bantuan Khas Kewangan/Bonus kepada guru KAFA, guru agama, guru pondok, guru tahfiz dan guru tadis, sumbangan khas kepada Ijtimak Huffaz, sumbangan kepada masjid sempena bulan Ramadan, Sambutan Maal Hijrah, Tilawah Al-Quran Peringkat Negeri, Ujian Menghafaz Al-Quran, Pertandingan Nasyid, Maulidul Rasul, Jawatankuasa MMK Agama dan Tabung Pembangunan Agama.

# Projek *Workers Village* ditawar secara tender terbuka

**GEORGE TOWN –** *Workers Village* atau 'Perkampungan Pekerja' untuk pekerja tempatan dan buruh asing boleh dipertimbang demi mengatasi masalah pekerja tempatan serta buruh asing yang tidak ada penginapan sesuai supaya tidak mengganggu ketenteraman penduduk setempat.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng memberi respons pada sesi soal jawab lisan kepada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kebun Bunga, Cheah Kah Peng di Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang di sini.

"Namun demikian, syarikat Magnificent Emblem Sdn. Bhd. akhirnya tidak berjaya dalam tender terbuka untuk membeli tanah tersebut kerana tidak mematuhi syarat RFP (Permohonan Kertas Cadangan), bukan seperti mana yang didakwa oleh anasir-anasir yang tidak bertanggungjawab.

"Ini membuktikan sistem tender terbuka berfungsi di Pulau Pinang berdasarkan sebut harga tawaran paling tinggi," jelasnya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan & Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam.

Guan Eng yang juga ADUN Air Putih memberitahu bahawa projek 'Perkampungan Pekerja' untuk pekerja tempatan dan buruh asing akhirnya ditawarkan kepada Westlite Dormitory (Penang-Juru) Sdn. Bhd. secara tender terbuka kerana syarikat itu menawarkan sebut harga paling tinggi.

Tambah beliau, hanya sekeping tanah di Juru yang ditenderkan, sedangkan tender di Batu Kawan tidak diteruskan.

"Bantahan penduduk terhadap projek pembangunan perkampungan pekerja asing di Juru yang akan dibangunkan oleh syarikat Westlite Dormitory (Penang-Juru) Sdn. Bhd. telah dibuat melalui JKKK (Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti) Bukit Minyak, JKKK Perkampungan Juru dan tujuh individu lain," responsnya.

Dalam sidang media berasingan, Guan Eng mengumumkan langkah mengezon 'Perkampungan Pekerja' di suatu Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Bukit Tambun akan ditangguhkan serta-merta, sehingga proses pendengaran awam selesai.

Katanya, langkah itu susulan syor ADUN Bukit Tambun, Dato' Law Choo Kiang yang juga Yang di-Pertua Dewan di sini.

Mengulas lanjut, menurut Guan Eng, Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) meluluskan pengezonan di kawasan tersebut sebelum ini, kerana pihak pemohon telahpun memenuhi garis panduan yang ditetapkan.



JAGDEEP Singh Deo (kiri) ketika mengadakan perbincangan dengan pembantu peribadinya.

# P. Pinang bantah syor Pusat naikkan siling harga KR, KSR

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri membantah hasrat Kerajaan Persekutuan untuk menaikkan siling harga rumah kos rendah (KR) dan kos sederhana rendah (KSR).

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo menegaskan pendirian itu sebagai menjawab soalan lisan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim.

"Pendirian (Kerajaan Negeri) ini diambil memandangkan ia akan membebankan golongan yang tidak berkemampuan," katanya yang juga ADUN Datuk Keramat di Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang di sini.

Tambah Jagdeep, semua Kerajaan Negeri di Malaysia turut bersetuju dengan pendirian Kerajaan Negeri Pulau Pinang, kecuali Sabah, Sarawak, Perak dan Negeri Sembilan.

"Jika siling harga KR dan KSR ditingkatkan, kadar penolakan permohonan pinjaman perumahan oleh pihak bank akan lebih tinggi berbanding sekarang," jelasnya.

Terdahulu, Kerajaan Persekutuan bercadang meningkatkan siling harga rumah KR daripada RM42,000 pada RM65,000 dan KSR daripada RM72,500 kepada RM100,000.

Kerajaan Negeri semasa Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pemantauan Pelaksanaan Keputusan Majlis Perumahan Negara (JKPKM) pada 18 Januari 2016 dan 4 April 2016 telahpun membantah syor Kerajaan Persekutuan itu.

# Hijrah ke P. Pinang kerana peluang pekerjaan – KM

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**GEORGE TOWN** – Peluang pekerjaan menarik ditawarkan di negeri ini menjadi galakan aliran imigrasi rakyat dari negeri Sabah dan Sarawak ke Pulau Pinang.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, bilangan rakyat Sabah dan Sarawak yang berhijrah ke Pulau Pinang mencecah sehingga 30,000 orang.

Hal ini membuktikan bahawa Pulau Pinang menyediakan peluang-peluang pekerjaan yang menarik dalam pelbagai sektor termasuk bidang (sektor) industri, kejururawatan, pendidikan dan lain-lain.

"Kita (Pulau Pinang) faham kebanyakan mereka berhijrah ke Pulau Pinang kerana tidak mempunyai peluang pekerjaan sedemikian di negeri asal mereka.

"Dan ini menimbulkan tanda tanya, bagaimana sebuah negeri yang paling kaya di Malaysia dengan pelbagai sumber asli seperti tanah, kayu balak, minyak dan gas, tapi masih gagal menyediakan peluang pekerjaan.

"Sedangkan di Pulau Pinang, tiada sumber asli, hanya bergantung kepada sektor perindustrian dan perkhidmatan, namun, masih mampu menyediakan peluang pekerjaan yang menarik," ucapnya pada Sambutan Pesta Gawai dan Kaamatan 2016 Peringkat Negeri Pulau Pinang di Fort Cornwallis di sini baru-baru ini.

Turut sama, Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh; Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Steven Sim Chee Keong dan Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri, Wong Hon Wai.

Guan Eng dalam pada itu dengan nada berseloroh menyatakan bahawa di Sabah dan Sarawak, mempunyai masalah 'buaya dua kaki'.

"Sekiranya hanya ada buaya empat kaki, tidak mendatangkan masalah, tetapi ini berkaki dua sangat bahaya.

"Kalau di Pulau Pinang, kita boleh berasa bangga kerana kita sudah menangkap semua 'buaya dua kaki', sebab itu kita (Kerajaan Negeri) dapat menjalankan pentadbiran secara Cekap, Akauntabiliti dan Telus, CAT," ujarnya yang percaya sekiranya kerajaan Sabah dan Sarawak mengamalkan pentadbiran yang bersih, cekap dan akauntabel, mereka juga boleh menikmati kemajuan yang jauh lebih hebat dari Pulau Pinang.

Sambutan Pesta Gawai dan Kaamatan 2016 Peringkat Negeri merupakan perayaan tahunan terbesar di luar Sabah dan Sarawak yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang sejak tahun 2014.

Ia turut mendapat sambutan daripada komuniti Sabah dan Sarawak yang berkhidmat di Pulau Pinang termasuk gereja-gereja setempat.



**PENGUNJUNG tidak melepaskan peluang bergambar kenang-kenangan bersama Ketua Menteri dan tetamu kehormat pada Sambutan Pesta Gawai dan Kaamatan 2016 di sini baru-baru ini.**



**ANTARA Kumang (wanita) dan Keling (lelaki) yang menyertai Unduk Ngadau atau pertandingan ratu cantik yang menjadi acara wajib setiap kali Sambutan Pesta Gawai dan Kaamatan.**

## Muhamad Suhaili olahragawan paralimpik negeri 2015

**GEORGE TOWN** – Muhamad Suhaili Abd. Hamid yang memenangi beberapa kejohanan boling peringkat dalam dan luar negara pada tahun lepas, melayakkan beliau dipilih menerima Anugerah Olahragawan Paralimpik Sukan Negeri Pulau Pinang 2015.

Pegawai Kewangan Negeri, Dato' Mokhtar Mohd. Jait hadir menyampaikan anugerah kepada wakil Muhamad Suhaili, pada majlis anjuran Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP).

Muhamad Suhaili yang mempunyai kekurangan dari segi penglihatan berkata, pemberian anugerah oleh pemimpin Kerajaan Negeri membakar semangatnya untuk terus memburu kejuaraan pada masa hadapan.

"Pertama sekali, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada MSNPP yang sudi mengangkat martabat sukan paralimpik saban tahun.

"Anugerah seperti ini akan menjadikan saya bersemangat untuk terus mengharumkan nama negara apabila bertanding kelak," ujar beliau ketika dihubungi Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Yang di-Pertua Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas dan isteri, Toh Puan Majimor Shariff merupakan tetamu kenamaan utama pada majlis tersebut.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon, Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus, Chong Eng (Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat) dan Frederick Tan Teck An (Pengarah MSNPP).

Muhamad Suhaili menambah, perjuangan beliau dalam sukan paralimpik boling tidak terhad di sini semata-mata, bahkan beliau mahu melihat sukan tersebut dipertandingkan di peringkat olimpik suatu hari nanti.

"Peringkat tertinggi sebelum ini yang saya menang adalah Kejohanan Persatuan Sukan Orang Buta (IBSA) Dunia di Australia pada tahun 2007, jadi kalau boleh hendak juga tengok sukan boling atau saya sendiri dapat berentap pada kejohanan bertaraf Olimpik (Paralimpik)," ujarnya.

Kini, Muhamad Suhaili giat mempersiapkan diri untuk ke satu kejohanan peringkat antarabangsa di Filipina tahun hadapan selain dari Sukan SEA Kuala Lumpur 2017.

Menceritakan berkenaan minat terhadap sukan boling, beliau menyatakan bahawa sukan tersebut dimainkan beliau pada mulanya atas dasar suka-suka sebelum menyedari dirinya mempunyai bakat sambil didorong oleh isteri serta lima anaknya.

Kali pertama Muhamad Suhaili dipilih menerima Anugerah Sukan Negeri Pulau Pinang adalah pada tahun 2014.



**WAKIL Muhamad Suhaili Abd. Hamid (tengah) dari Persatuan Tenpin Boling Pulau Pinang menerima trofi, sijil dan wang tunai dari Mokhtar Mohd. Jait (kiri sekali) pada Majlis Anugerah Sukan Negeri Pulau Pinang 2015 di sini baru-baru ini.**



# Tapak kuari Teluk Bahang, Exco minta kemuka cadangan pelan pembangunan

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**DATUK KERAMAT –** Kerajaan Negeri mahu tuan tanah sebuah bekas kuari yang telah dibersihkan di Teluk Bahang supaya mengemukakan pelan rancangan pembangunan berhubung cadangan pihak berkaitan untuk membina perumahan mampu milik sebagaimana dilaporkan secara eksklusif dalam sebuah akhbar perdana berbahasa Inggeris, 1 Mei lalu.

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo berkata, sehingga hari ini (23 Mei 2016), beliau masih belum menerima apa-apa pelan cadangan pembangunan perumahan mampu milik sebagaimana dinyatakan wakil pemaju bagi tuan tanah tersebut.

"Menurut laporan akhbar tersebut, tuan tanah itu berhasrat membina projek perumahan mampu milik paling murah di bahagian pulau, Pulau Pinang.

"Oleh itu, kami (Kerajaan Negeri) ingin tahu, apa yang dimaksudkan oleh pihak tuan tanah tersebut," katanya sejurus menyampaikan 500 kuntum bunga teluki untuk golongan ibu di Pasar Awam Taman Free School di sini baru-baru ini sempena Sambutan Hari Ibu Sedunia.

Melalui maklum balas diterima beliau, pihak pemaju telah memuatnaik cadangan pelan pembangunan tersebut melalui laman sesawang pemaju berkaitan.

Namun, Jagdeep berharap syarikat pemaju tersebut boleh tampil dan mengemukakan pelan cadangan pembangunan tersebut tidak lama lagi.

Pada 1 Mei lalu, sebuah akhbar perdana berbahasa Inggeris secara eksklusif melaporkan terdapat beberapa kawasan 'dibotakkan' melalui imej satelit *Google Earth Pro* yang dikemaskini pada 13 Februari 2016.

Walau bagaimanapun, laporan menyatakan bahawa tuan tanah tersebut tampil memberi jaminan bahawa ia bukanlah aktiviti penggondolan bukit, sebaliknya hanya dibersihkan bagi kajian kejuruteraan.

Malah, laporan sama turut menyatakan bahawa tuan tanah tersebut mendedahkan bahawa beliau akan membina 2,100 unit rumah mampu milik dengan keluasan 1,000 kaki persegi (k.p) pada harga termurah iaitu RM300,000.




**JAGDEEP Singh Deo (berkemeja putih) menyerahkan kuntuman bunga teluki kepada salah seorang peniaga wanita di Pasar Awam Taman Free School sempena Sambutan Hari Ibu Sedunia di sini baru-baru ini.**





BUKA UNTUK JUALAN
5% DISKAUN BAGI BUMIPUTRA

Aspen RESIDENSI

HAKMILIK KEKAL

Harga:
RM 663,900.00 (Min)
RM 1,611,000.00 (Mak)

Selusuri hidup di kebiruan langit pada ketinggian yang menghijau...

Aspen Residensi-projek pembangunan 27 tingkat bercampur, yang terdiri daripada 2 tingkat kemudahan membeli-belah dan 6 tingkat kemudahan tempat letak kereta dan 1 tingkat kemudahan masyarakat. Kualiti pembinaan yang berinovasi tinggi dengan rekabentuk seni bina moden kontemporari yang boleh anda banggakan.

Dibina dengan mengutamakan anda di minda, ia didatangkan dengan kawasan permainan berlandskap dan gimnasium untuk gaya hidup yang sihat. Akses mudah menghubungkan anda ke bandar. Dekat dengan pelbagai kemudahan awam, disini anda boleh berganjak dan mendambakan kehidupan yang lebih berkualiti.

ASPEN AVENUE SDN. BHD. (965706-W)
Krystal Point, B303-5-1, Jalan Sultan Azlan Shah, 11900 Penang
F 604 644 8652
E aspenavn@gmail.com

04 643 3622

*Semua pentafsiran seni dan gambar-gambar yang terkandung di dalam pekeliling ini adalah gambaran artis sahaja*

Lesen Pemaju Perumahan: 12431-1/04-2017/01455(L) • Tempoh Sah: 10/4/2016 hingga 09/4/2017
• No. Permit iklan Dan Jualan:12431-1/04-2017/01455(P) • Tempoh Sah: 10/4/2016 hingga 09/4/2017
• Pihak Berkuasa Yang Meluluskan Pelan: Majlis Perbandaran Pulau Pinang
• No. Rujukan Pelan: MPPP/OSC/PB(5476)/13 • Bebanan Tanah: Tiada • Pegangan Tanah: Bebas
• SOHO: Harga RM663,900 (min) - RM791,100 (mak) • Bilangan Unit: 42 unit
• Pangsapuri: RM727,500 (min) - RM1,611,000 (mak) • Bilangan Unit: 56 unit
• Tarikh Dijangka Siap: May 2016

PELAN LOKASI




PELAN LOKASI
U : 5°23'39.90"
T : 100°18'55.74"

# 5 blok rumah pangsa Lorong Mahsuri 10 bakal diremajakan - Exco

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **AMANDA KHONG XIA LING**

**PANTAI JEREJAK –** Lima blok rumah pangsa Lorong Mahsuri 10, di sini bakal menjadi projek perintis pertama negeri ini yang bakal dibangunkan semula secara lebih tersusun dengan suasana dan kualiti hidup lebih baik.

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat, Jagdeep Singh Deo berkata, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) selaku pihak pemaju bertanggungjawab telah menyelesaikan satu tawaran pakej khas kepada penduduk tempatan bagi 'meremajakan' semula blok- blok kediaman berkenaan.

“PDC kini telah selesai dengan satu pakej untuk projek pembangunan semula di sini. Justeru, kami (Kerajaan Negeri dan PDC) mengalu-alukan sebarang cadangan dan maklum balas daripada penduduk setempat untuk menambah baik pakej sedia ada.

“Saya berharap penduduk dapat melihat dan menilai kebaikan yang akan dinikmati daripada pembangunan projek ini kelak,” katanya ketika mengadakan Program Dialog Kerajaan Negeri Bersama-sama Penduduk '5 Point Blocks' Lorong Mahsuri 10 di sini baru-baru ini,

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon selaku ADUN kawasan dan Ahli Parlimen Bayan Baru, Sim Tze Tzin.

Menurut Jagdeep, Jawatankuasa Khas Pembangunan Semula Bandar yang dipengerusikan beliau telah mengenalpasti lima kawasan di bahagian pulau dan Seberang Perai untuk menjalankan rancangan pembaharuan semula berkaitan.

“Jawatankuasa telah mengenalpasti tiga kawasan perumahan di bahagian pulau iaitu Taman Free School, Lorong Mahsuri 10 dan Flat Padang Tembak.

“Manakala, di kawasan Seberang Perai melibatkan dua kawasan iaitu Mak Mandin dan Taman Siakap,” ujarnya.

